

## Rumah jadi makmal dadah

7 JUN 2016

Selasa 7 Jun 2016 • Sinar Harian 47



DARI UTARA

# Rumah jadi makmal dadah

Sekeluarga ditahan, termasuk seorang bayi dan pembantu rumah

■ SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN - Sebuah keluarga ditahan polis selepas kediaman mereka yang dipercayai dijadikan makmal dadah diserbu kira-kira jam 8 pagi semalam.

Sumber berkata, serbuan oleh pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) itu turut menahan dua kanak-kanak termasuk seorang bayi.

Menurut sumber itu lagi, pembantu rumah keluarga berkenaan turut ditahan bagi membantu siasatan.

Kesemua yang ditahan dibawa ke balai polis untuk siasatan lanjut dan kanak-kanak itu difahamkan akan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk tindakan



Anggota polis membawa keluar salah satu peralatan memproses dadah yang dirampas di sebuah premis tingkat 12 kondominium Sungai Ara yang disyaki sebagai makmal memproses dadah secara haram.



Tiga individu bersama dua kanak-kanak ditahan dalam serbuan anggota polis, semalam.

selanjutnya.

Difahamkan, keluarga berkenaan menyewa pangsapuri tersebut yang terletak di kawasan perumahan elit di Sungai Ara di sini.

Sumber turut memberitahu, serbuan itu dibuat selepas polis menerima aduan orang awam dan hasil

risikan kira-kira sebulan lalu.

Polis juga berjaya merampas sejumlah dadah dipercayai ketamin dan alat memproses dadah untuk dibuat pil.

Tambah sumber berkenaan, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang

memperuntukkan hukuman mandatori gantung sampai mati.

Polis kini sedang menyalut sama ada terdapat ahli sindiket itu yang masih bebas dan tempoh makmal itu beroperasi serta pasaran dadah yang diproses sama ada untuk pasaran tempatan atau sebaliknya.



Pelbagai barang memproses dadah dibawa keluar oleh anggota polis.